

Media Title : Berita Harian
Headline : Wanita rugi RM130,000 ditipu 'Sarjan Qayyum'
Date : 6 February 2023
Section : Nasional
Page : 16



Wanita rugi RM130,000 ditipu 'Sarjan Qayyum'

Mangsa serah wang caruman KWSP selepas didakwa terbabit jenayah

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

Seremban: Seorang wanita sanggup mengeluarkan wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) RM130,000 untuk diserahkan kepada sindiket Macau Scam, selepas terperdaya.

Mangsa yang berusia 56 tahun dihubungi 'Sarjan Qayyum' yang mendakwa identiti mangsa dikesan terbabit dengan pengubahan wang haram.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff, berkata mangsa yang bekerja di bahagian pentadbiran sebuah syarikat swasta

mendakwa pada mulanya dihubungi individu dari sebuah syarikat insurans.

"Individu terbabit memaklumkan mangsa ada membuat tuntutan insurans, namun mangsa menafikannya.

"Mangsa kemudian disambungkan kepada pendakwa raya yang mengarahkannya membuat kad bank baharu, jika mahu menyelesaikan kes.

"Mangsa ke sebuah bank di Seremban 2, pada 25 Januari lalu untuk membuat kad bank baharu dan mengikut setiap arahan pendakwa raya berkenaan, termasuk mengubah nombor telefon rujukan akaun baharu kepada 014-690 8266.

"Mangsa juga mengeluarkan duit KWSP sebanyak RM130,000 dan memindahkan ke akaun bank baru itu," katanya.

Beliau berkata, mangsa kemudian mendapati semua wang dalam akaunnya berkurangan dengan beberapa transaksi.

"Mangsa membuat laporan polis di Balai Polis Labu, Nilai, semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

“Individu terbabit maklumkan mangsa ada membuat tuntutan insurans, namun mangsa menafikannya”

Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff,
Ketua Polis Negeri Sembilan

